

TS
556

PERSEPSI GURU DAN AMALAN PENYELIAAN
PENGAJARAN DI SEBUAH MRSM ZON UTARA

MOHD RIZALMI BIN DAHAMAN

INSTITUT KEPIMPINAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2013

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sebuah MRSM Zon Utara dan meneliti pemahaman guru terhadap pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam tiga fasa iaitu pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian. Kajian rintis telah dijalankan dan indeks kebolehpercayaan ujian ialah 0.857. Responden terdiri daripada 52 orang guru. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah deskriptif (kekerapan, peratus dan min) dan kaedah *inferential* (Ujian $-t$ dan ANNOVA) digunakan untuk menganalisis data. Data telah dianalisis dengan menggunakan *Statistic Package For Social Science* (SPSS) versi 12.0. Dapatan kajian menunjukkan (i) sebahagian besar guru yang diselia bersetuju dengan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh penyelia di sekolah dan penyeliaan pengajaran sangat membantu dalam meningkatkan profesionalisme guru di sekolah (ii) pihak sekolah lebih memberi perhatian kepada fasa selepas pemerhatian berbanding fasa semasa pemerhatian dan pra pemerhatian (iii) tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi guru mengikut demografi dan latar belakang perkhidmatan guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah. Kajian ini mengemukakan cadangan agar memperluaskan konsep pencerapan pengajaran dalam kalangan pengetua dan penyeliaan perlu dilakukan secara berterusan dan berkala agar penyeliaan dilihat sebagai usaha yang baik untuk mempertingkatkan profesionalisme guru serta penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua MRSM di Malaysia. Dicapangkan agar kajian selanjutnya dilakukan kepada semua guru MRSM seluruh negara agar dapatan nanti dapat memberi gambaran sebenar terhadap persepsi guru dan pelaksanaan penyeliaan pengajaran di MRSM.

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 4.1 Kekekapan dan Peratus Mengikut Jantina	41
Jadual 4.2 Kekekapan dan Peratus Mengikut Umur	42
Jadual 4.3 Kekekapan dan Peratus Mengikut Pengalaman Mengajar	43
Jadual 4.4 Kekekapan dan Peratus Mengikut Pengalaman Jawatan	45
Jadual 4.5 Julat Skor Min dan Skala	46
Jadual 4.6 Analisis Item Bagi Persepsi Guru Terhadap Pencerapan di Sekolah	48
Jadual 4.7 Julat Skor Min dan Skala	51
Jadual 4.8 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pra Pemerhatian	52
Jadual 4.9 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Semasa Pemerhatian	54
Jadual 4.10 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Selepas Pemerhatian	56
Jadual 4.11 Analisis Ujian-t Persepsi Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Jantina Responden	58
Jadual 4.12 Analisis Ujian-t Persepsi Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Jawatan Responden	60
Jadual 4.13 Analisis ANOVA Satu Hala Terhadap Persepsi Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Umur Responden	62
Jadual 4.14 Analisis ANOVA Satu Hala Persepsi Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Pengalaman Mengajar Responden	64

SENARAI RAJAH/GRAF

Rajah/Graf	Halaman
Rajah 2.1 Model Penyeliaan Klinikal Acheson dan Gall (2003)	31
Rajah 2.2 Kerangka Kajian Penyeliaan Pengajaran	31
Graf 4.1 Kekekapan dan Peratus Mengikut Jantina	41
Graf 4.2 Kekekapan dan Peratus Mengikut Umur	42
Graf 4.3 Kekekapan dan Peratus Mengikut Pengalaman Mengajar	44
Graf 4.4 Kekekapan dan Peratus Mengikut Jawatan	45

SENARAI SINGKATAN

%	= Peratus
f	= Frekuensi
M	= Min
SP	= Sisihan Piawai
Sig.	= Signifikan
JKD	= Jumlah Kuasa Dua
MKD	= Min Kuasa Dua

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACK	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	viii
KANDUNGAN	ix
BAB	
1	
1	
1.1	
1.2	
1.3	
1.4	
1.5	
1.6	
1.7	
2	
2.1	
2.2	
2.3	
2.4	
2.5	
2.6	
2.7	
2.8	

Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	6
Objektif Kajian	10
Persoalan Kajian	11
Kepentingan Kajian	11
Batasan Kajian	12
Definisi Pemboleh ubah Dalam Kajian	13
TINJAUAN LITERATUR	
Pengenalan	16
Definisi dan Tujuan Kajian	16
Senario Penyeliaan Masa Kini	19
Pandangan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran	22
Model-model Penyeliaan Pengajaran	23
Amalan-amalan Penyeliaan di Sekolah	27
Kerangka Konseptual Kajian	30
Rumusan	34

3	METODOLOGI KAJIAN	34
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan	35
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.5	Prosedur dan Kaedah Merekod Maklumat	37
3.6	Kaedah Menganalisis Data Kajian	38
4	DAPATAN KAJIAN	39
4.1	Pengenalan	40
4.2	Latar Belakang Responden	41
4.3	Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di sekolah	46
4.4	Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pengajaran Semasa Pra Pemerhatian, Semasa Pemerhatian Dan Selepas Pemerhatian	50
4.5	Analisis Perbandingan Persepsi Responden Terhadap Penyeliaan Pengajaran di antara Jantina, umur, Pengalaman Mengajar dan Jawatan Guru	56
4.6	Rumusan	
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	66
5.2	Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian Mengikut Pecahan Hasil Kajian	68
5.3	Implikasi Kajian	79
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	81
5.5	Rumusan	82

RUJUKAN	BAB 1	84
LAMPIRAN	PENGANTARAN	
1A	Soal Selidik	87
1B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada IKP	92
2B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada MARA	94
1C	Jadual Analisis Kajian Rintis	95
2C	Jadual Analisis Kajian	96

Hak Milik MARA

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan pembelajaran adalah nadi dan aktiviti utama di sekolah. Ia adalah suatu proses yang kompleks yang memerlukan perhatian, penilaian dan kajian yang berterusan. Oleh itu, pengetua dan guru besar hendaklah sentiasa mendapat dan mengumpulkan maklumat yang lengkap mengenai tahap keupayaan pengajaran guru-guru sebelum memberi panduan dan bimbingan mereka.

Sebagai pemimpin kurikulum, pengetua dan guru besar adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjadikan sekolah mereka sebagai organisasi pembelajaran. Oleh itu, bagi menjayakan hasrat itu, semua guru perlu berkongsi tanggungjawab bersama-sama pengetua dan guru besar bagi mengukuhkan kepimpinan pengajaran di sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan 'Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 3/1987: Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Kelas oleh Pengetua dan Guru Besar' pada tahun 1987. Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan menjelaskan tanggungjawab pemimpin

samping memberikan panduan pada aspek-aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang patut diselia. Panduan dan ingatan yang diberikan dalam surat pekeliling itu harus difahami dan diterjemahkan dalam tugas-tugas seharian seorang penyelia pengajaran.

Secara amnya, kemahiran penyeliaan dikaitkan dengan kebolehan seseorang penyelia pengajaran memerhati dan menilai keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran memberi bimbingan, memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada guru-guru. Penyeliaan bertujuan memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti penyampaian pengajaran para guru secara berterusan bagi memantapkan tahap pembelajaran murid dan membangunkan modal insan. Penyeliaan proses pengajaran dan pembelajaran sebenarnya adalah suatu proses jaminan kualiti yang bersifat pembangunan (*developmental*) kerana penambahbaikan perlu dibuat mengikut keperluan.

Proses jaminan atau pemastian kualiti pengajaran dan pembelajaran ini memerlukan tahap pemahaman dan komitmen yang tinggi daripada penyelia pengajaran, terutama pada maksud dan tujuan pengajaran yang asasnya adalah untuk mengupayakan murid belajar. Peranan pemimpin sekolah dalam usaha penyeliaan pengajaran guru, sama ada dalam bentuk formal mahu pun informal digambarkan dalam pernyataan Hallinger (2003: 250) yang diterjemahkan seperti berikut:

"Para pengetua di sekolah berkesan kerap menyelia pengajaran di dalam bilik darjah dalam peranan mereka sebagai penyelia. Sungguhpun mereka sering menegaskan corak penyeliaan informal, para pengetua ini juga menekankan tahap akauntabiliti yang tinggi darihal pengajaran dalam bilik darjah. Mereka bekerjasama dengan para guru untuk memastikan agar objektif bilik darjah selaras dengan matlamat sekolah dan sering mengkaji keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah dengan menggunakan pelbagai cara berupa penyeliaan formal dan informal, rancangan mengajar dan hasil kerja murid. Mereka juga turut memberi cadangan yang konkrit dan konstruktif serta memberi bimbingan untuk mempertingkatkan tahap pengajaran guru."

Walaupun demikian, pemimpin sekolah sering mempunyai kecenderungan untuk tidak membincangkan perspektif penyeliaan dalam konteks pembelajaran murid secara eksplisit tetapi lebih menumpukan aspek pentadbiran sahaja. Ini bermakna pemimpin sekolah harus mampu menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran secara substansif dan bermakna (Rettig, Lampe dan Garcia, 2000) yang merangkumi aspek perancangan penyeliaan yang mantap dengan fokus yang jelas yang mengambil kira faktor guru.

Penyeliaan pengajaran sering kali dikaitkan dengan penilaian terhadap guru. Kedua-duanya mempunyai pertalian dan perhubungan dari segi konsep dan pelaksanaannya, ia mempunyai perbezaan yang agak jelas. A. L Ramaiah

Ramaiah(1999:128) memetik Boardman, Douglas dan Bent (1953) mentakrifkan penyeliaan sebagai:

"... The efforts to stimulate, coordinate and guide the continued growth of the teachers in a school, both individually and collectively in better understanding and more effective performance of all the functions of instruction so that they may be better able to stimulate and guide the continued growth of every pupil toward the richest and the most intelligent participation in modern democratic society."

Merujuk kepada tafsiran yang dikemukakan oleh Boardman et al. (1953), penyeliaan bermaksud satu usaha yang berterusan untuk membimbing, mendorong dan menyelaras aktiviti guru-guru di dalam bilik darjah. Penyeliaan dilihat sebagai usaha untuk membantu guru-guru meningkatkan kebolehan mereka dalam membimbing perkembangan pelajar secara berterusan. Maka penyeliaan pengajaran menjadi tugas dan tanggungjawab utama pihak pentadbir sekolah.

Dalam realiti sekolah dan bilik darjah, keadaan kesempurnaan tidak mungkin wujud. Terdapat beberapa kategori guru yang berdedikasi dan kreatif, yang sederhana dari segi sikap dan kebolehan dan guru marginal dan "burn out". Secara keseluruhannya keadaan ini sudah tentu akan memmanifestasikan

perlakuan berbeza dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran murid.

Terdapat sesetengah pendapat mengatakan bahawa guru mempunyai autonomi akademik yang mereka bebas di dalam bilik darjah, mengajar berdasarkan pemahaman sendiri. Realitinya, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira di alam pengajaran dan pembelajaran seseorang guru yang merangkumi dasar pendidikan, sukatan pelajaran, peraturan tertentu, kehendak peperiksaan dan latar belakang pelajar. Menerusi penyeliaan, guru dapat dibantu agar lebih sensitif kepada batasan ini dan bertindak dengan cara yang boleh mewujudkan ketekalan dalaman (*internal consistency*) dan suasana yang lebih sesuai kepada pembelajaran berkesan.

Dalam menyediakan rancangan penyeliaan, satu andaian yang penting ialah perlunya perubahan sikap guru selain penguasaan perubahan dalam isi pelajaran dan kaedah penyampaian yang sesuai dengan peredaran masa dan jenis murid. Sekiranya semua guru berdedikasi dan bersikap profesional untuk mengemas kini diri seperti yang dinyatakan di atas, keperluan untuk penyeliaan sudah tentu tidak wajar dilaksanakan. Menerusi penyeliaan diharapkan guru yang berdedikasi dan kreatif dapat terus digalakkan dan yang marginal dapat dibantu. Sesungguhnya salah satu tugas seorang penyelia ialah membantu manusia memperbaiki pengetahuan, kemahiran, amalan dan sikap.

1.2 Pernyataan Masalah

Proses membantu, khususnya dalam bidang profesional memerlukan usaha yang mantap dan berterusan. Membantu sebenarnya merupakan proses yang kompleks. Kecenderungan kebanyakan penyelia ialah memberi preskripsi untuk mengatasi kekurangan dan pengajaran guru yang sebenar atau yang dirasakan oleh penyelia berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan intuisi yang ada pada mereka. Justeru, proses membantu seperti ini lebih berbentuk sehala (*unilateral*) iaitu dari penyelia kepada guru memperhitungkan sama ada teguran dan nasihat relevan serta diterima dengan terbuka dan ikhlas oleh guru.

Senario di sekolah menunjukkan tiada usaha-usaha untuk memperluaskan konsep penyeliaan pengajaran di kalangan guru. Guru masih lagi berfikir bahawa proses penyeliaan pengajaran hanya berlaku melalui pencerapan atau pemerhatian yang melibatkan penyelia dan seorang guru mengajar di bilik darjah. Kebiasaannya juga proses pencerapan hanya berlaku setakat memerhatikan guru mengajar dengan tiadanya usaha-usaha untuk membantu guru meningkatkan keberkesanan pengajarannya. Ini menyebabkan timbulnya "lakonan mengajar" dalam kalangan guru yang cukup bersedia dari segi peralatan mengajar malah telah mengarahkan pelajarinya terlebih dahulu supaya lebih aktif apabila sesi penyeliaan dilaksanakan di dalam kelas. Keadaan kembali asal seperti biasa apabila tiadanya proses penyeliaan selanjutnya.

Kajian oleh Shahril (1997) terhadap peranan pengetua dalam kepemimpinan intruksional berperanan sebagai penyelia, membuat cerapan dan memotivasikan guru dalam pengajaran, pakar rujuk, membimbing dan menunjuk ajar kepada guru dalam proses pengajaran. Selari dengan dapatan kajian oleh Rahimah dan Zulkifli (1996), pengetua yang berkesan memainkan peranan memberi sokongan kepada guru terhadap pengajaran, menggalakkan penggunaan inovasi dalam kerja seharian dan menggalakkan perkembangan staf ke arah perkembangan profesional.

Kepentingan penyeliaan pengajaran telah lama dibincangkan. Ia dilihat sebagai satu usaha yang dapat mempertingkatkan kualiti pendidikan selain menambah baik pengajaran guru di dalam bilik darjah. Kebanyakan sekolah telah membangunkan polisi untuk meningkatkan pelaksanaan penyeliaan dan memberi garis panduan untuk menguruskan pelaksanaannya. Isu yang berlaku di dalam penyeliaan pengajaran guru adalah kaedah pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di dalam bilik darjah berupaya memenuhi keperluan dan fungsi penyeliaan itu sendiri. Penyeliaan pengajaran yang berkesan yang dilaksanakan di dalam bilik darjah amat berkait rapat dengan perancangan dan pelaksanaan yang dibuat oleh pihak sekolah.

Pada prinsipnya penyeliaan pengajaran itu hendaklah memberi impak kepada perubahan tingkah laku guru untuk memperbaiki status quo pengajarannya dan seterusnya pembelajaran murid. Implikasinya ialah wujudnya kesinambungan perhubungan atau interaksi antara penyelia. Ini

mungkin tidak dapat dijalankan oleh seorang penyelia dengan adanya batasan tertentu seperti masa dan kewangan.

Seseorang penyelia itu dapat menjalankan *administrative monitoring* atau *drop supervision* iaitu pemerhatian pengajaran dibuat secara singkat tetapi terancang iaitu tidak dibuat secara sembarangan (Glatthorn, 1977). Oleh itu, penyeliaan berbentuk ini masih dapat dilaksanakan mengikut semangat penyeliaan pengajaran yang telah dijelaskan.

Untuk mencapai penyeliaan yang berkesan, seseorang penyelia perlu memerhati dan menaksir pengajaran guru. Fokus seseorang penyelia itu ialah proses pengajaran pembelajaran dari peringkat perancangan, proses hingga ke peringkat output. Dengan ini, pemerhatian di bilik darjah merupakan satu prosedur yang paling praktis untuk mengumpul data berhubung dengan keberkesanan perlakuan pengajaran guru dan pembelajaran murid Mc Greal (1983) yang dipetik oleh Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003).

Pengalaman pakar dalam bidang penyeliaan menyatakan bahawa proses membantu adalah berbentuk dua hala atau resiprokal dan mempunyai risiko tersendiri. Pickhatdat (1981) dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003) memperihalkan psikologi membantu seperti berikut:

"...while the supervisor does have the power to give help, the teacher always the power to receive or refuse that assistance. In the helping relationship, the supervisor is not the only party with power. The teacher has the power to refuse to cooperate, the supervisor is helpless to help. Both success and failure of any helping relationship are the joint responsibilities of the help giver and help receiver. For the supervisors this means: do not sole credit for your helping success, or sole blame for your helping failures. Help is risky to give and receive. When the supervisor errors in the help he/she gives, the teacher pays for it (though the supervisors may also damage his/her helping reputation)."

Seseorang penyelia itu perlu mempunyai kualiti berikut:

- i. Seseorang penyelia perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang luas dalam hal profesionnya khususnya dalam bidang kurikulum dan pedagogi. Harrison (1988) dalam ZaidatolAkmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fook (2003) mengatakan bahawa *Knowledge and versatility are highly correlated*.
- ii. Seseorang penyelia itu perlu mempunyai azam dan tekad untuk belajar bagi pertumbuhan profesional sendiri. Harrison (1988) juga menegaskan bahawa *Learning to supervise better is contingent upon the desire to continuously improve oneself*.
- iii. Seseorang penyelia itu perlu mempunyai kebolehan berhubung berasaskan prinsip kemanusiaan, sanggup mendengar dengan berfikiran terbuka, jujur dan bertimbang rasa. Mengikut

(1983) yang dipetik oleh Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003), ujian muktamad untuk menentukan keberkesanan sesuatu penyeliaan pengajaran ialah melalui kualiti perhubungan/komunikasi yang wujud antara penyelia dan guru, yang sebenar-benarnya dapat merangsang guru dan pembelajaran murid.

Kesan daripada kekaburan tentang fungsi penyeliaan pengajaran ini, maka wujud satu fenomena di sekolah iaitu aktiviti penyeliaan kurang diberi perhatian sewajarnya sesuai dengan kepentingan peranannya sebagai pemangkin dalam pencapaian matlamat sekolah. selain itu, terdapat juga penyeliaan pengajaran itu sendiri yang dilaksanakan sebagai memenuhi tuntutan pihak tertentu atau sekadar memenuhi takwim sekolah.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat aspek berikut:

- i. Meninjau persepsi guru-guru terhadap penyeliaan yang dilaksanakan di sekolah.
- ii. Meneliti pelaksanaan amalan penyeliaan pengajaran yang melibatkan tiga fasa; pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan persepsi guru-guru terhadap amalan pencerapan pengajaran di sekolah dan mengenal pasti amalan penyeliaan yang dilaksanakan di sekolah khususnya menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah persepsi guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran di sekolah?
- ii. Apakah pelaksanaan penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dari segi pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini penting kepada pihak yang mempunyai hubungan langsung dengan pembangunan guru dan sekolah. Dapatan kajian ini diharapkan:

- i. Menjadi panduan dan rujukan dalam mengadaptasikan fungsi penyeliaan pengajaran yang sebenar.
- ii. Menjadi input kepada Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA dan pengurusan MRSM untuk menilai keberkesanan program penyeliaan pengajaran yang telah dilaksanakan di MRSM terutama dari segi pengetahuan dan persediaan sebagai penyelia.

- iii. Memberi kesedaran dan kefahaman kepada guru bahawa penyeliaan pengajaran meliputi aspek yang sangat luas dalam membantu meningkatkan mutu pengajaran mereka serta memberi komitmen yang tinggi terhadap program penyeliaan pengajaran ini serta memperkukuhkan dan meningkatkan profesionalisme guru.

1.6 Batasan Kajian

- i. Kajian ini dilaksanakan di sebuah MRSM daripada 10 MRSM yang terletak di Zon Utara Semenanjung Malaysia.
- ii. Kajian ini dibatasi kepada pelaksanaan penyeliaan sebagai satu aspek penyeliaan dan sama ada penyeliaan yang dijalankan melibatkan tiga fasa iaitu pra pemerhatian, pemerhatian dan selepas pemerhatian.
- iii. Kajian meliputi penyeliaan pengajaran yang melibatkan 50 orang guru-guru terlatih yang dipilih secara rawak mudah dan aktiviti-aktiviti atau amalan penyeliaan yang sedia ada di sekolah.
- iv. Kajian hanya terhad kepada penggunaan soal selidik. Oleh itu kajian terhad kepada keupayaan responden memahami isu-isu yang dikemukakan melalui pernyataan yang disediakan oleh instrumen. Responden mengemukakan persepsi mereka berasaskan skala yang disediakan pada pernyataan yang dikemukakan.
- v. Kejujuran dan ketelusan jawapan yang diberikan adalah di luar kawalan pengkaji walaupun langkah-langkah awal telah diambil bagi

memastikan jawapan yang diberikan adalah jujur dan tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor luar.

1.7 Definisi Pemboleh ubah Dalam Kajian

Ada beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang dirasakan penting dan perlu diberi pengertiannya untuk memudahkan pemahaman tentang kajian ini.

i. Persepsi

Mengikut Kamus Dewan (Edisi Ketiga), persepsi bermaksud satu tanggapan yang menimbulkan pemahaman dan perasaan yang dijelmakan oleh seseorang kesan daripada sesuatu tingkah laku orang lain terhadap mereka.

ii. Penyelia

Dalam organisasi sekolah, penyelia merupakan satu peranan yang boleh dilaksanakan oleh pihak pengurusan atasan atau guru-guru yang sesuai dan layak untuk dipertanggungjawabkan menjalankan penyeliaan pengajaran berdasarkan kelebihan dan keistimewaan yang ada pada diri guru tersebut.

iii. **Penyeliaan Pengajaran**

Penyeliaan pengajaran merujuk kepada usaha pihak sekolah membantu, membimbing guru-guru dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi pengajaran seseorang guru dan membantu meningkatkan keberkesanan pengajarannya. Penyeliaan pengajaran bukan usaha untuk mencari kelemahan guru atau memberi penilaian kepada prestasi guru.

iv. **Pencerapan Pengajaran**

Pencerapan pengajaran merujuk kepada usaha pihak dalaman sekolah bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, pencerapan pengajaran melibatkan amalan pencerapan yang merangkumi tiga fasa iaitu pra pemerhatian, pemerhatian dan selepas pemerhatian. Pencerapan pengajaran ini dilaksanakan oleh pihak pentadbir sekolah bagi membantu, membimbing dan memandu seseorang guru menjalankan tugas mengajar dengan lebih berkesan sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Pencerapan pengajaran juga merupakan satu usaha membantu guru meningkatkan mutu pengajaran mereka dan bukan untuk menilai pengajaran guru.

v. Pelaksanaan

Merujuk kepada perbuatan atau amalan menjalankan atau melakukan sesuatu atas arahan dengan tujuan yang tertentu. Dalam konteks kajian ini pelaksanaan bermaksud tindakan pihak sekolah menjalankan atau mengamalkan fungsi penyeliaan pengajaran dari segi pencerapan pengajaran guru, penyediaan sokongan dan bantuan langsung kepada guru, membuat pemerhatian dan penyediaan perancangan yang sewajarnya untuk melaksanakan penyeliaan pengajaran guru.

vi. Pemerhatian

Dalam konteks kajian ini, pemerhatian bermaksud tindakan pihak sekolah melihat proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini lebih tertumpu kepada bahan penulisan dan kajian yang relevan dengan tajuk penyelidikan ini dalam aspek persepsi guru terhadap penyeliaan dan pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah. Kebanyakan kajian perkembangan konsep penyeliaan pengajaran dan teori-teori telah dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji di dalam dan luar Negara.

Selain itu, bab ini juga akan memuatkan pendapat beberapa pengkaji tentang penyeliaan pengajaran serta mengemukakan beberapa pengkaji tentang penyeliaan pengajaran serta mengemukakan beberapa model penyeliaan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah.

2.2 Definisi dan Tujuan Kajian

Penyeliaan pengajaran adalah sebahagian daripada usaha yang dapat membantu para guru memantapkan proses pengajaran mereka di sekolah.

Aspek penyeliaan pengajaran di sekolah menjadi keutamaan dan diberi perhatian serius untuk dilaksanakan di sekolah. Sejarah penyeliaan pengajaran sudah berkembang begitu lama terutama di negara Barat. Namun, bidang ini tidak diberi perhatian oleh para pengkaji seperti aspek-aspek lain dalam bidang pendidikan.

Siens dan Ebmeier (1996) telah melakukan kajian tentang sejarah dan perkembangan pemahaman penyeliaan pengajaran. Beliau telah mendapati pada awal tahun 1990an, penyeliaan pengajaran lebih kepada pendekatan biroktarik terhadap guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada waktu itu, terdapat usaha untuk mengawal pengajaran dan pembelajaran guru secara berpusat melalui pedagogi, pengetahuan, kemahiran dan perlakuan yang telah ditetapkan oleh pusat. Apabila usaha-usaha telah dilakukan untuk meningkatkan pengajaran dan profesionalisme guru maka wujud konflik antara sekolah dan pihak pusat. Fahaman neo-tradisional dalam penyeliaan telah mula berubah pada awal tahun 1950an kepada pendekatan yang lebih saintifik kesan daripada pengaruh pemahaman tentang psikologi tingkah laku (Tracy dan McNaughton, 1989).

Ia juga kesan daripada gelombang perubahan dalam pendidikan yang berlaku pada tahun 1960an selari dengan perkembangan pendidikan yang pesat dari aspek alat bantu mengajar, program pendidikan dan pembelajaran individu menyebabkan tujuan penyeliaan pengajaran lebih kepada

mengubah perlakuan guru supaya lebih menggunakan teori dan kajian yang sesuai sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pada awal tahun 1980an, konsep penyeliaan pengajaran telah mengalami perubahan kepada penyeliaan berpusatkan guru sebagai membantu guru lebih reflektif dalam pengajarannya. Aktiviti penyeliaan dilihat sebagai usaha untuk membantu guru dengan lebih berkesan dalam aktiviti refleksi dan meningkatkan tahap profesionalisme guru.

Penyeliaan merupakan satu proses yang kompleks yang melibatkan kerjasama antara guru secara *collegial* dan kolaboratif untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam sekolah serta meningkatkan pembangunan guru sepanjang kerjaya mereka (Beach dan Reinhartz, 2000). Glickman, Gordon dan Ross Gordon (2004) menyatakan penyeliaan pengajaran diibaratkan sebagai *glue of a successful school* kerana penyeliaan pengajaran sebagai fungsi sekolah yang menarik dan menyatukan elemen-elemen keberkesanan pengajaran yang diskrit ke arah satu tindakan yang menyeluruh.

2.3 Senario Penyeliaan Masa Kini

Keseluruhan senario penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan selama ini masih terpengaruh dengan bentuk penyeliaan tradisional iaitu penyeliaan luaran lebih dititikberatkan. Keadaan ini memberi implikasi bahawa secara birokrasi dan hierarki wujud dua kelompok. Kelompok pertama yang menganggap bahawa penyelia begitu arif tentang semua aspek pengajaran dan kelompok yang kedua adalah guru yang menjalankan tugas pengajaran. Pandangan McGill (1991) dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003), amat sesuai bagi menerangkan konflik dalam budaya penyeliaan pengajaran yang bercorak tradisional bagi tujuan mencetuskan refleksi atau penilaian semula diri kita sebagai penyelia.

Kecenderungan struktur dan pendekatan penyeliaan pengajaran seperti ini meletakkan guru sebagai golongan penerima yang setuju dan akur kepada ulasan dan cadangan penyelia tanpa wujud komunikasi dua hala. Kualiti pengajaran dilihat pada perspektif negatif atau kekurangan dalam pengetahuan dan kemahiran guru mengikut fahaman penyelia sendiri yang mungkin tidak berpaksikan konteks atau realiti bilik darjah. Secara tidak sedar pengajaran menjurus kepada beberapa preskripsi yang ingin dibentuk yang dianggap oleh Duke (1986) dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003) sebagai percubaan untuk mewujudkan *a classroom management recipe that would work for everyone*.

Perkembangan terbaru terutama dalam era milenium ini turut melibatkan perubahan ketara dalam kepimpinan pendidikan di sekolah. Rahimah Hj. Ahmad (2004:24) mengatakan bahawa Kepengetuaan (kepimpinan sekolah) pada zaman pasca moden ini, perlu memfokuskan kepada aspek kemanusiaan yang menggalakkan penyertaan semua dalam proses pengurusan dan kepimpinan, menghormati setiap individu dan prihatin bahawa penyertaan yang bermakna daripada semua pihak. Kajian-kajian terkini mengenai gaya kepimpinan pengetua di luar negara sudah mula menunjukkan perubahan corak kepimpinan yang mengutamakan aspek kemanusiaan. Ini adalah kerana proses perubahan dalam pendidikan banyak bergantung pada kualiti interaksi antara dua pihak iaitu pemimpin dan ahli organisasi (Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooki, 2003:126).

Di Malaysia, penyeliaan pengajaran turut mengalami perkembangan sejak negara mencapai kemerdekaan. Pada peringkat awal, tugas penyeliaan adalah berpusatkan kepada peranan Nazir Sekolah. Fungsi Nazir Sekolah adalah untuk mengawal selia dan memeriksa agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar di sekolah. Pada tahun 1987, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat pekeliling yang berkaitan dengan penyeliaan pengajaran. Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/87, kementerian telah mengarahkan secara rasmi agar pihak pengurusan sekolah terutamanya pengetua atau guru besar menjalankan penyeliaan di sekolah masing-masing. Ia merupakan salah satu usaha untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan mantap di sekolah-sekolah.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2001-2010 terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia, antara isu yang menjadi keutamaan adalah peningkatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. ia hanya dapat dilakukan dengan memantapkan dan mengukuhkan penyeliaan pengajaran guru dan pemantauan yang berterusan dan dinamik proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, pengetua atau guru besar diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pencerapan dan penilaian pengajaran, penyelarasan kurikulum, pengawasan kemajuan pelajar dan penjagaan masa pengajaran guru.

Keseluruhan pola perhubungan antara penyelia dan guru lebih berbentuk sehala iaitu penyelia bertindak sebagai penilai dan pemberi maklumat tentang tahap kualiti pengajaran dan guru hanya bertindak sebagai objek penyeliaan dan penerima maklumat. Akibatnya, guru tidak berautonomi dan dikongkong mengikut cita rasa penyelia.

Supervision becomes the measurement of teachers and their performance against some standard. One hears claims, nonetheless, that the purpose of supervision is to help teachers improve as persons and professionals. We can face a contradiction here. On the hand we speak passionately and gingerly of wanting to help teachers but on the other hand we use evaluation techniques which are measurement oriented and force us to focus on standards (Sergiovanni, 1984).

2.4 Pandangan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran

Beberapa pandangan guru terhadap penyeliaan pengajaran oleh penyelia didengari. Walaupun tiada data empirik untuk menyokong secara konkrit pandangan tersebut, namun ia tetap dijadikan asas untuk melakukan penambahbaikan di dalam penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah.

Pihak yang diselia iaitu guru sering merasa gelisah dan kurang senang dengan kehadiran penyelia di sekolah. Hipotesisnya, keadaan ini wujud kerana pendekatan penyeliaan yang lebih cenderung menumpukan pemerhatian kepada kelemahan tahap pengajaran guru dan kelemahan ini pula lebih dilahirkan secara kritikan yang menyentuh ego atau imej sendiri guru. Hasilnya, guru menganggap kehadiran penyelia bukan untuk membantu tetapi untuk mengganggu kestabilan pengajarannya.

Faktor seperti kekangan masa, tenaga dan kewangan yang tidak menyokong penyeliaan dapat dilaksanakan secara berterusan menjadikannya satu masalah yang besar untuk menjamin kualiti penyeliaan pengajaran. Selain itu, nisbah penyelia dan guru yang diselia terlalu kecil menyebabkan penyelia terpaksa membuat pemerhatian dan maklumat yang terhad yang diperolehi untuk dijadikan bahan maklum balas kepada guru dan asas kepada laporan yang disediakan. Bagi memudahkan proses penyeliaan, pemerhati hanya disediakan senarai semak yang standard mengikut kehendak pusat.

Faktor lain adalah penyelia pengajaran yang tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup, tiada kebijaksanaan dan kematangan yang boleh dijadikan model kepada guru yang diselia. Penyelia yang tidak menunjukkan minat dan berinisiatif untuk memajukan diri secara profesional melalui pembacaan dan penulisan tidak memberi impak yang positif di dalam penyeliaan pengajaran. Miller (1977) dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003) mengatakan bahawa,

“Strangely they (supervisors) are quick to identify individuals and groups (teachers) needing updating but seldom identify that need in themselves”.

2.5 Model-model Penyeliaan Pengajaran

Antara model-model penyeliaan pengajaran yang diguna pakai ialah Model Penyeliaan Saintifik, Penyeliaan Klinikal dan Penyeliaan Kolaboratif.

2.5.1 Penyeliaan Saintifik

Penyeliaan saintifik pada peringkat awal adalah keperluan kepada penyelidikan sebagai asas keupayaan guru melaksanakan pengajaran di bilik darjah. Melalui penyeliaan saintifik, persediaan guru dan pembaharuan kepada amalan guru hanya dilaksanakan selepas pengesanan kelemahan

guru dilakukan. Pengesanan ini dilakukan melalui pengukuran pengetahuan guru terhadap subjek yang diajar, kefahaman terhadap method dan proses pengajaran, keupayaan menghubungkan pengajaran dengan perspektif sosial dan daya ketahanan dan kekuatan guru.

Pendekatan penyeliaan saintifik ini memfokuskan tindakan guru-guru menangani permasalahan di bilik darjah secara saintifik, bebas daripada pengaruh tradisional dan dipengaruhi oleh semangat penyelidikan. Dalam melaksanakan penyeliaan, penyelia dan guru akan secara bersama menentukan tingkah laku untuk diuji, mencuba prosedur baharu dan mengkaji kesannya dengan tujuan untuk membaiki sehinggalah satu pendekatan yang memuaskan diperolehi. Andaian yang digunakan bahawa keberkesanan guru akan meningkat melalui bimbingan penyelia yang menterjemahkan matlamat sekolah dalam keadaan yang boleh difahami oleh guru.

2.5.2 Penyeliaan Klinikal

Pada pertengahan dekad kedua 70an, model penyeliaan dikembangkan lagi kepada satu model iaitu penyeliaan klinikal. Model klinikal berkait rapat dengan pendekatan *humanistic/artistic*. Pendekatan yang dipopularkan oleh Blumberg dan Eisner dilaksanakan berasaskan kepada prinsip *existential* (kebebasan) dan estatik. Model ini menekankan aspek perhubungan

interpersonal, intuisi bakat dan kebiasaan. Penyelia berperan membantu guru memahami perasaan dan keindahan dalam pengajaran.

Pada awal hingga pertengahan dekad 80an, Acheson dan Gall memperkenalkan model teknikal/didactic model. Pendekatan yang dipopularkan oleh mereka menekankan kepada hasil proses yang dijalankan dan keberkesanan penilaian pengajaran. Pendekatan ini menekankan aspek teknik penyeliaan/pemerhatian dan maklum balas yang dapat mengukuhkan perlakuan-perlakuan efektif tertentu dan menentukan model pengajaran yang ingin dipilih oleh guru.

Menjelang tahun 90an, Glickman, Costa, Garmston dan Zeichner dan Liston antara tokoh yang telah mempopularkan satu lagi pendekatan dalam penyeliaan klinikal. Pendekatan atau model ini dikenali sebagai *developmental/reflective* model. Perkara asas dalam model ini ialah memberi perhatian kepada perbezaan individu dalam organisasi, perbezaan sosial, politik dan budaya dalam konteks pengajaran. Model ini menggalakkan guru mengreflek pengajaran mereka. Ia juga berperanan untuk membantu perkembangan dan pembangunan guru di samping mencari pendekatan yang sesuai dalam amalan pengajaran.

Walaupun penyeliaan klinikal ini mempunyai beberapa perbezaan dalam pendekatan pelaksanaannya, namun asas kepada pendekatan ini

menunjukkan struktur yang agak serupa. Penyeliaan klinikal mempunyai persamaan dari segi perkembangan tahap-tahap yang berlaku dalam proses penyeliaan. Asasnya terdapat tiga tahap utama iaitu tahap pertama dikenali tahap pra penyeliaan, tahap kedua ialah tahap pemerhatian dalam bilik darjah dan tahap ketiga ialah tahap pasca penyeliaan.

2.5.3 Penyeliaan Kolaboratif

Asas kepada pendekatan ini ialah melibatkan guru membantu guru untuk menambah baik pengajaran guru dan mendedahkan kepada guru-guru yang diselia dengan kemahiran-kemahiran pengajaran yang sesuai. Ia boleh melibatkan guru-guru berpengalaman dan pakar menjadi mentor kepada guru-guru baharu. Ia tidak melibatkan penilaian dan autoriti/kuasa.

Melalui pendekatan ini, guru dan guru pembimbing akan berhubungan secara berterusan untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi melalui perancangan bersama proses pengajaran, untuk menjalankan pemerhatian, membincangkan maklum balas yang diperolehi dan merancang pendekatan baharu untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran.

Sebagai kesimpulan, terdapat beberapa model yang boleh digunakan dalam melaksanakan penyeliaan pengajaran. Pemilihan model-model ini banyak

bergantung pada keupayaan penyelia dalam melaksanakan tugas penyeliaan, masa mencukupi, tanggungjawab lain yang dipikul oleh penyelia di sekolah. Asas penting dalam pemilihan model penyeliaan oleh seorang penyelia banyak bergantung pada falsafah tentang pendidikan yang dipegang oleh penyelia.

2.6 Amalan-amalan Penyeliaan di Sekolah

Amalan penyeliaan yang dijalankan di sekolah merupakan amalan birokrasi pentadbiran. Pengetua, Timbalan Pengetua, ketua-ketua jabatan dan guru kanan subjek akan menyelia guru-guru di bawah pentadbiran mereka. Ada kala guru akan dimaklumkan terlebih dahulu dan ada kala penyelia akan terus masuk ke dalam bilik darjah dan menyelia guru tersebut. Hakikatnya, apabila penyeliaan akan dijalankan maka guru akan merancang pengajaran mereka mengikut perkara yang ditetapkan di dalam buku Rekod Mengajar guru dan guru tersebut akan membuat perancangan rapi termasuk penyediaan alat bantu mengajar (ABM) untuk tujuan penyeliaan.

Di pihak penyelia, mereka akan memerhati pengajaran guru dan seterusnya mencatat komen, kekuatan dan kelemahan di dalam borang yang disediakan. Selepas penyeliaan, penyelia akan berbincang dengan guru yang diselia. Proses *follow up* pula sewajarnya dirancang. Realitinya apabila guru telah diselia pada tahun itu, mereka tidak akan diselia untuk kali kedua pada tahun yang sama oleh penyelia yang sama.

Sharifah Mohd Nor dan Azizah Abd. Rahman (1988) dalam kajian mereka mendapati bahawa penyelia pengajaran oleh pengetua ke atas guru sering menimbulkan isu. Penyeliaan yang dilakukan oleh pengetua kurang disenangi oleh guru-guru. Guru-guru berpendapat penyeliaan pengajaran oleh pengetua boleh menjejaskan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Selain itu, para guru berpendapat bahawa penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh pengetua lebih tertumpu pada aktiviti menilai prestasi pengajaran guru.

Oleh itu, penyeliaan pengajaran perlu dijadikan satu amalan yang memupuk dan membentuk nilai yang positif ke arah membantu guru yang diselia agar mereka dapat mengembangkan potensi mereka di dalam pengajaran dan pembelajaran demi masa depan murid. Anjakan paradigma dalam kalangan penyelia dan guru perlu diberi penekanan agar waktu penyeliaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan komunikasi yang berkesan serta bermakna.

Lee Chong Nim (1991) dalam kajian telah dilakukannya merumuskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan guru kurang setuju dengan arahan penyelia walau 80 peratus responden kajian mengatakan mereka faham tujuan penyeliaan. Antara faktor yang dikenal pasti adalah faktor peribadi dan pengetahuan penyelia. Para guru menganggap penyeliaan yang dilakukan di dalam bilik darjah tidak dilaksanakan secara profesional. Selain itu, para guru berpendapat bahawa penyelia tidak mempunyai kelayakan atau kelulusan akademik bagi mata pelajaran yang

diselia. Penyelia dilihat tidak mampu untuk membantu dalam mata pelajaran yang bukan bidangnya.

Abdul Shukor Abdullah (1988) menyatakan bahawa walaupun wujud hubungan yang baik antara pengetua dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran namun tidak dapat dinafikan konflik antara guru dan pengetua disebabkan penyeliaan itu. Konflik ini timbul kerana kewibawaan dan keupayaan profesionalisme seorang pengetua sering dipertikai oleh guru.

Menurut Hoy dan Miskel (1982) penyeliaan pengajaran merupakan satu set aktiviti yang dibentuk untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga aspek penting yang diberi perhatian iaitu:


1. Peningkatan mutu pengajaran melalui usaha-usaha memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti secara berterusan.
2. Menggalakkan peningkatan profesional, perkembangan kurikulum dan aktiviti-aktiviti yang mempunyai hubungan dengan pedagogi dan teknologi pengajaran.
3. Membantu guru memperkembangkan diri agar memberi sumbangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

2.7 Kerangka Konseptual Kajian

Acheson dan Gall (2003) telah mengemukakan model penyeliaan klinikal dalam tiga peringkat atau fasa, iaitu fasa konferensi sebelum penyeliaan pengajaran, fasa penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dan fasa sesi konferensi selepas penyeliaan.

Model penyeliaan klinikal ini turut diperlakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1993) sesuai diguna pakai dalam konteks penyeliaan pengajaran bilik darjah di Malaysia. Dalam setiap peringkat penyeliaan klinikal, pensyarah atau guru penyelia atau pengetua perlu mengaplikasikan teknik dan latihan tertentu supaya proses penyeliaan berjalan lancar.

Pendekatan yang telah dikemukakan oleh Acheson dan Gall mempunyai tiga fasa yang penting, iaitu fasa konferensi (sebelum pencerapan), pencerapan di bilik darjah dan fasa konferensi selepas pencerapan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1. Manakala Rajah 2.2 merujuk kepada kerangka kajian.



Rajah 2.1: Model Penyeliaan Klinikal Acheson dan Gall (2003)



Rajah 2.2: Kerangka Kajian Penyeliaan Pengajaran

Sumber: Kerangka Konseptual Penyeliaan Klinikal Acheson dan Gall (2003).

2.7.1 Fasa Konferensi atau Fasa Perbincangan Sebelum Pencerapan

Fasa ini merupakan fasa pertama yang memerlukan penyelia memaklumkan terlebih dahulu bagi mendapat persetujuan guru. Kemudian penyelia membuat pertemuan dengan guru bagi membincangkan aktiviti pengajaran yang akan dijalankan. Dalam fasa ini, beberapa perkara perlu dibincangkan termasuklah objektif dan matlamat yang ingin dicapai dalam pengajaran, kaedah pengajaran, alat bantuan mengajar, kandungan, tahap pencapaian pelajar, latar belakang pelajar dan sebagainya. Seterusnya penyelia perlu mewujudkan perbincangan dalam suasana yang tidak begitu formal dan dalam keadaan yang tenang. Guru yang akan diselia perlu diberi kefahaman bahawa penyeliaan bertujuan untuk membimbing dan bertukar-tukar pendapat, ilmu, idea dan pengalaman dalam pengajaran. Penyeliaan bukanlah bertujuan untuk mencari kelemahan dan kesalahan guru.

2.7.2 Fasa Pencerapan Di Dalam Bilik Darjah

Dalam fasa ini penyelia perlu membuat pemerhatian dengan teliti dan berhati-hati dan memahami objektif penyeliaan tersebut dilaksanakan. Oleh itu penyelia perlu menyediakan senarai semak (borang pemantauan) yang tertentu bagi mencatat segala perkara yang telah diperhatikan secara tepat dan objektif. Penyelia juga tidak boleh membuat pertimbangan sendiri dalam menilai baik buruknya suatu tingkah laku yang diperhatikan di sepanjang

proses pengajaran berlangsung. Menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/87 terdapat lima aspek yang perlu menjadi fokus pada peringkat ini, iaitu keadaan fizikal bilik darjah, kawalan murid, alat bantuan mengajar, hubungan guru-murid dan cara atau teknik penyilaian oleh guru.

2.7.3 Fasa Perbincangan Selepas Pemerhatian

Dalam fasa ini, penyelia perlu memberi peluang kepada guru menilai dan menganalisis sendiri semua data pemerhatian dan seterusnya memberi peluang kepada guru menyusun dan mengubah suai strategi tertentu untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Tugas penyelia hanyalah sebagai fasilitator dan memberi bimbingan bagi mencari penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang timbul dalam pengajaran yang telah dilaksanakan. Dalam laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1993) ada dijelaskan beberapa cadangan tentang aspek perbincangan peringkat ini. Laporan ini mencadangkan supaya pensyarah atau guru penyelia memfokuskan beberapa aspek utama pada peringkat ini, iaitu:

- i. Tingkah laku pengajaran guru dan bukannya personaliti guru.
- ii. Data pemerhatian terhadap tingkah laku pengajaran yang diperhatikan dan bukannya andaian penyelia.
- iii. Perkara-perkara lain yang jelas dapat diperhatikan.

Penyeliaan klinikal yang dilaksanakan dalam tiga peringkat ini memberi peluang kepada guru yang diselia lebih bersedia dan dapat merancang serta mengatur strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan kognitif pelajar. Guru juga berpeluang untuk sentiasa menilai kualiti pengajaran sendiri dan berbincang serta bertukar-tukar pendapat dengan penyelia agar penyeliaan dapat dijadikan platform atau medan untuk meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan secara keseluruhannya.

2.8 Rumusan

Penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah perlu diberi perhatian serius dan dilaksanakan secara tekal dan menyeluruh. Pendekatan yang lebih komprehensif perlu difikirkan oleh para penyelia agar penyeliaan pengajaran dapat diterima oleh guru. Pihak pengurusan sekolah perlu memberi perhatian yang sewajarnya terhadap penyeliaan guru. Perancangan yang teliti dan tahap kesediaan yang tinggi para penyelia dalam menjalankan penyeliaan pengajaran akan membantu program penyeliaan pengajaran di sekolah berjalan dengan lancar dan diterima oleh guru tanpa prejudis. Penyelia pengajaran yang mempunyai kewibawaan dan nilai moral yang tinggi akan sentiasa berusaha memperbaiki proses penyeliaan melalui bimbingan dan pengetahuan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang persepsi guru tentang pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Ia juga bertujuan untuk melihat pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh penyelia yang melibatkan tiga fasa iaitu pra pemerhatian, pemerhatian dan selepas pemerhatian.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini adalah satu tinjauan yang telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data telah dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif dipilih kerana mudah dianalisa, sistematik dan mudah diproses. Data-data diperolehi melalui teknik soal selidik yang diedarkan kepada guru MRSM yang dipilih.

3.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam proses membina instrumen kajian dan untuk menjamin kebolehpercayaan yang tinggi, penyelidik telah membuat pembacaan melalui kajian literatur, menyediakan senarai semak, mereka instrumen, membuat kajian rintis dan menganalisis ujian kebolehpercayaan. Dalam kajian literatur

penyelidik telah merujuk dokumen-dokumen para sarjana berkaitan bagi mendapatkan pandangan tentang item-item yang boleh digunakan.

Untuk menguji kebolehpercayaan instrumen, satu ujian rintis telah dijalankan dengan melibatkan 30 orang guru Kolej MARA Kulim (bukan sekolah kajian) bagi mengenal pasti masalah pemahaman dan tafsiran soalan, jangka masa yang diperlukan dan mendapat pandangan bagi memantapkan instrumen kajian. Instrumen ujian rintis telah dianalisis dengan menggunakan *Statistic Package For Social Science* (SPSS 12.0) untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan kaedah *Alpha Cronbach*. Nilai yang diperoleh menunjukkan kebolehpercayaan instrumen kajian adalah memuaskan dengan indeks ketekalannya adalah 0.857.

Alpha Cronbach merupakan koefisien kebolehpercayaan yang menunjukkan hubungan antara item-item kajian. Jika nilai alpha menghampiri satu, bermakna kebolehpercayaannya adalah tinggi, baik dan berkesan manakala jika nilai alpha antara 0.6 dan 0.7, ia boleh diterima. Jika nilai alpha melebihi 0.8, kebolehpercayaannya adalah sangat baik. Keputusan rintis seperti dinyatakan dalam Jadual

3.4 Populasi Dan Sampel Kajian

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini, sebuah MRSM yang terletak di Zon Utara Semenanjung Malaysia telah dipilih. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada 52 orang guru. Pemilihan dibuat atas beberapa

pertimbangan iaitu dari segi lokasi, sesi persekolahan dan bilangan guru di MRSM berkenaan.guru-guru.

Pemilihan sampel dibuat melibatkan guru yang telah berkhidmat lebih 2 tahun dan pernah diselia.Beberapa kriteria ditentukan dalam pemilihan guru-guru.Antara kriteria yang digunakan ialah berdasarkan jantina, umur, pengalaman mengajar dan jawatan guru yang diselia.Soalan soal selidik telah dihantar sendiri oleh pengkaji secara terus kepada pengetua MRSM berkenaan.

3.5 Prosedur dan Kaedah Merekod Maklumat

Beberapa etika penyelidikan seperti soal kerahsiaan, sensitiviti dan kebenaran pihak berwajib diberi perhatian sepanjang menjalankan penyelidikan ini.Penyelidik berusaha mengemukakan item soal selidik agar tidak menyentuh perasaan pihak tertentu.Kebenaran daripada Bahagian Pendidikan Menengah MARA dan pihak MRSM terpilih juga diperoleh bagi mendapatkan kerjasama dan responden yang sesuai.

Kerjasama dengan pihak pengurusan MRSM diperoleh untuk mengedar dan mendapatkan semula soal selidik.Kebenaran pihak pengurusan dan guru-guru yang terlibat telah diperoleh untuk meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan dengan penyeliaan pengajaran.Untuk tujuan ini perbincangan awal dengan pihak pengurusan sekolah telah dilakukan. Ini adalah untuk

dilakukan. Ini adalah untuk membantu memberi penerangan ringkas mengenai cara menjawab, mengedar dan mendapatkan semula soal selidik.

52 set soal selidik telah diedarkan kepada 52 orang guru yang terpilih dengan bantuan pengetua MRSM berkenaan. Tempoh masa selama satu minggu diberikan untuk mendapatkan semula soal selidik yang telah diedarkan. 52 soal selidik berjaya dikembalikan oleh pihak MRSM berkenaan.

3.6 Kaedah Menganalisa Data Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen ini dibina dan setiap perkataan dan istilah yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan mempunyai maklumat yang lengkap untuk digunakan sebagai alat penyelidikan. Ianya juga membolehkan soalan dalam soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh responden.

Borang soal selidik yang disediakan digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Set soal selidik kajian ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu:

Bahagian I : Maklumat latar belakang responden.

Bahagian II : Maklumat tentang persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah dan pelaksanaan penyeliaan oleh penyelia yang melibatkan fasa iaitu: pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian.

Kesemua data mentah yang diperoleh melalui soal selidik diproses dengan menggunakan *Statistic Package For Social Science (SPSS 12.0)*. Semua data diproses dan ditukar kepada bentuk jadual dan graf supaya mudah dibaca. Statistik deskriptif mudah (kekerapan dan peratusan), Ujian t dan Anova Sehala digunakan untuk menganalisis data. Crosstabulation digunakan untuk menganalisis Bahagian A untuk mendapatkan secara deskriptif taburan responden berdasarkan jantina, umur, pengalaman dan kategori jawatan.

Ujian kekerapan digunakan untuk menganalisis Bahagian B dan C yang mengandungi 27 item berkenaan persepsi responden dan amalan penyeliaan pengajaran di sekolah. Analisis kekerapan dan peratus digunakan untuk meninjau kekerapan tindak balas responden terhadap item-item yang dikemukakan. Ukuran Min digunakan untuk menyusun persepsi guru.

Manakala Ujian-t digunakan untuk melihat sama ada wujud atau tidak signifikan antara persepsi guru berkenaan penyeliaan berdasarkan ciri-ciri demografi berdasarkan jantina dan jawatan. Manakala Ujian Anova Sehala digunakan untuk melihat wujud atau tidak perbezaan yang signifikan persepsi guru berkenaan penyeliaan pengajaran berdasarkan latar belakang responden seperti umur dan pengalaman mengajar.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil analisis hasil kajian berkaitan dengan persepsi guru terhadap penyeliaan di sekolah dan amalan penyeliaan yang dilaksanakan di sekolah. Analisis data yang diperoleh daripada jawapan responden melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 52 orang responden yang terdiri daripada guru-guru di sebuah MRSM Zon Utara. Penganalisaan data yang dikumpulkan daripada set soalan selidik kajian dihuraikan secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for the Social Science* (SPSS).

Perbincangan hasil kajian dipersembahkan secara sistematik, jelas dan teratur dalam tiga bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan sebaran dan pulangan soal selidik serta latar belakang responden melalui analisis kekerapan, peratus dan graf. Bahagian kedua menghuraikan maklum balas mengenai persepsi responden terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah.

Dapatan kajian yang telah diperoleh dan diproses dalam bentuk jadual dan graf yang mudah untuk ditafsirkan. Penerangan akan dilakukan mengikut bahagian dan urutan soalan, iaitu Bahagian A mengenai latar belakang responden, Bahagian B mengenai persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah dan Bahagian C mengenai pelaksanaan penyeliaan

oleh penyelia yang melibatkan fasa iaitu: pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian.


4.2 Latar Belakang Responden

4.2.1 Analisis Mengikut Jantina

Jadual 4.1: Kekerapan dan Peratus Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	13	25.0
Perempuan	39	75.0
Jumlah	52	100.0

Graf 4.1: Kekerapan dan Peratus Mengikut Jantina



Daripada Jadual 4.1 dan Graf 4.1, didapati bahawa bilangan responden lelaki berjumlah 13 orang (25%) responden, manakala bilangan


responden perempuan adalah seramai 39 orang (75%) responden. Melalui pemerhatian saya didapati MRSM ini mempunyai bilangan guru perempuan lebih ramai daripada guru-guru lelaki.

4.2.2 Analisis Mengikut Umur

Jadual 4.2: Kekerapan dan Peratus Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
20-29 tahun	12	23.1
30-39 tahun	24	46.2
40 ke atas	16	30.8
Jumlah	52	100.0

Graf 4.2: Kekerapan dan Peratus Mengikut Umur




Jadual 4.2 dan Graf 4.2, menunjukkan kekerapan dan peratus responden mengikut umur. Jadual dan graf menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi guru-guru yang berusia di antara 30-39 tahun dengan jumlah kekerapan sebanyak 24 orang (46.2%) responden dan disusuli oleh kalangan guru yang berusia 40 tahun ke atas seramai 16 orang (30.8%) responden. Manakala kalangan guru yang berusia di antara 20-29 tahun menunjukkan bilangan paling minimum iaitu seramai 12 orang (23.1%) responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru yang bertugas di MRSM ini adalah terdiri daripada kalangan guru-guru yang berusia di antara 30-39 tahun.

4.2.3 Analisis Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 4.3: Kekerapan dan Peratus Mengikut Pengalaman Mengajar

Tahun	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang Dari 7 Tahun	21	40.4
8-11Tahun	11	21.2
12 Tahun dan Lebih	20	38.5
Jumlah	52	100.0

Graf 4.3: Kekerapan dan Peratus Mengikut Pengalaman Mengajar



Jadual 4.3 dan Graf 4.3 menunjukkan kekerapan dan peratus responden mengikut pengalaman mengajar. Jadual dan graf tersebut menunjukkan bahawa kekerapan di kalangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 7 tahun menunjukkan kekerapan tertinggi dengan jumlah 21 orang (40.4%) responden. Ini diikuti oleh kalangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 12 tahun ke atas dengan jumlah kekerapan sebanyak 20 orang (38.5%) responden. Seterusnya disusuli pula oleh kalangan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 8-11 tahun (21.2%) responden.


Ini bermakna di MRSM ini, kalangan guru yang memiliki pengalaman bertugas kurang dari 7 tahun mempunyai kekerapan tertinggi berbanding yang mempunyai pengalaman bertugas 12 tahun ke atas dan di antara 8-11 tahun.

4.2.4 Analisis Mengikut Jawatan

Jadual 4.4: Kekerapan dan Peratus Mengikut Jawatan

Jawatan	Kekerapan	Peratus (%)
Guru Penolong/Biasa	34	65.4
Pentadbir	18	34.6
Jumlah	52	100.0

Graf 4.4: Kekerapan dan Peratus Mengikut Jawatan



Daripada Jadual 4.4 dan Graf 4.4, menunjukkan kekerapan dan peratus responden mengikut jawatan. Jadual dan graf menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi guru-guru yang berjawatan sebagai guru penolong/biasa dengan jumlah kekerapan sebanyak 34 orang (65.4%) responden dan disusuli oleh kalangan guru yang berjawatan sebagai pentadbir iaitu seramai 18 orang

(34.6%) responden. Ini bermakna bahawa ramai di kalangan guru di MRSM terdiri daripada guru penolong/biasa.

4.3 Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di Sekolah

Dapatan data bagi persepsi guru terhadap pencerapan di sekolah adalah untuk menjawab persoalan kajian yang pertama, iaitu:

Soalan kajian 1: Apakah persepsi guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran di sekolah?

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan skala 1 (Sangat Tak Setuju), 2 (Tak Setuju), 3 (Kurang Setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Interpretasi skor min yang terdapat dalam Jadual 4.5 telah dapat menentukan tahap persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di MRSM berkenaan. Interpretasi skor min ini adalah berdasarkan interpretasi yang pernah dilakukan oleh Zuraidah Abdullah (2009). Skor min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah dan diberi nilai 1. Skor min 2.34 hingga 3.66 adalah pada tahap sederhana dan diberi nilai 2. Manakala skor min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi dan diberi nilai 3.

Jadual 4.5: Julat Skor Min dan Skala

Interpretasi	Skor Min	Nilai Data
Tinggi	3.67 hingga 5.00	3
Sederhana	2.34 hingga 3.66	2
Rendah	1.00 hingga 2.33	1

Sumber: Zuraidah Abdullah (2009)

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama berkaitan dengan persepsi guru terhadap pencerapan pengajaran di sekolah, satu analisis terhadap jawapan responden telah dilakukan bagi semua sembilan item berkaitan. Skor min digunakan sebagai petunjuk kepada pandangan responden terhadap item-item persepsi guru terhadap pencerapan pengajaran.

Berdasarkan soalan kajian, berikut dijelaskan dapatan kajian yang dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Jadual menunjukkan perbandingan persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah.

Skor min bagi setiap item dan keseluruhannya ditunjukkan seperti Jadual 4.6. Item disusun daripada nilai min tertinggi ke nilai min terendah untuk memudahkan pengkaji membuat analisis. Jadual menunjukkan lapan daripada sembilan item mencatat min skor tinggi yang melebihi 3.67 iaitu 89% guru bersetuju terhadap pencerapan pengajaran guru di dalam kelas. Manakala hanya satu daripada sembilan item sahaja yang menunjukkan skor min sederhana antara 2.34 hingga 3.66.

Skor min keseluruhan bagi semua sepuluh item persepsi guru terhadap pelaksanaan pencerapan pengajaran ialah 3.99. ini menunjukkan bahawa guru bersetuju terhadap pelaksanaan pencerapan pengajaran di dalam bilik darjah. Skor min tertinggi ialah 4.21 yang ditunjukkan oleh item pencerapan

pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa dan pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru.

Jadual 4.6: Analisis Item Bagi Persepsi Guru Terhadap Pencerapan di Sekolah

No	Item	Taburan Kekerapan dan Peratus (%) Responden					Min	SP
		1 (STS)	2 (TS)	3 (KS)	4 (S)	5 (SS)		
2	Pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa.	0 (0)	0 (0)	4 (7.7)	33 (63.5)	15 (28.8)	4.21	0.572
5	Pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru.	0 (0)	0 (0)	6 (11.5)	29 (55.8)	17 (32.7)	4.21	0.637
4	Pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru.	0 (0)	2 (3.8)	6 (11.5)	24 (46.2)	20 (38.5)	4.19	0.793
6	Pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran.	0 (0)	1 (1.9)	5 (9.6)	31 (59.6)	15 (28.8)	4.15	0.668
1	Penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas.	2 (3.8)	2 (3.8)	2 (3.8)	29 (55.8)	17 (32.7)	4.10	0.934
3	Pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan.	0 (0)	1 (1.9)	8 (15.4)	28 (53.8)	15 (28.8)	4.10	0.721
8	Pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru.	0 (0)	3 (5.8)	10 (19.2)	32 (61.5)	7 (13.5)	3.83	0.734
9	Penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan.	0 (0)	1 (1.9)	12 (23.1)	34 (65.4)	5 (9.6)	3.83	0.617
7	Pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu.	4 (7.7)	6 (11.5)	19 (36.5)	19 (36.5)	4 (7.7)	3.25	1.027
Min Keseluruhan						3.99		

Nota: STS = (Sangat Tak Setuju), TS = (Tak Setuju), KS = (Kurang Setuju), S = (Setuju), SS = (Sangat Setuju) dan SP = (Sisihan Piawai)

Skor min kedua tertinggi ialah 4.19 yang ditunjukkan oleh item pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru. Pencerapan juga penting bagi guru memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran. Item ini menunjukkan skor min ketiga tertinggi iaitu 4.15.

Skor min seterusnya menunjukkan responden menganggap penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas dan pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan dengan kedua-dua mencatat skor min 4.10. Skor min 3.83 menunjukkan bahawa responden menganggap pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru dan penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan.

Skor min paling rendah pula ditunjukkan oleh item pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu iaitu 3.25. Ini menunjukkan bahawa guru kurang bersetuju bahawa guru merasa cemas dan terganggu apabila pencerapan pengajaran dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Analisis mendapati bahawa 92.30% responden bersetuju bahawa pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa. Analisis juga menunjukkan antara 70%-89% responden bersetuju bahawa pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru, pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru, pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas, pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan, pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru, penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan. Selain itu, analisis menunjukkan 55.7% responden pula tidak bersetuju bahawa pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu.

4.4 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pengajaran Semasa Pra Pemerhatian, Semasa Pemerhatian dan Selepas Pemerhatian.

Dapatan data bagi pelaksanaan pencerapan pengajaran semasa pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian di sekolah adalah untuk menjawab soalan kajian yang kedua, iaitu:

Soalan kajian 2: Apakah pelaksanaan penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dari segi pra pemerhatian, pemerhatian dan selepas pemerhatian?

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan skala 1 (Tidak Pernah), 2 (Jarang Sekali), 3 (Kadang-kadang) dan 4 (Selalu). Skala skor min ini adalah berdasarkan skala yang pernah dilakukan Mohd Khairi Muda (2007). Skor min yang berada di antara julat 3.00 – 4.00 menunjukkan bahawa amalan pencerapan pengajaran semasa pra pemerhatian selalu dilaksanakan di sekolah. Julat skor min 2.00 – 2.90 menunjukkan kadang-kadang, manakala julat skor min 1.00 – 1.90 menunjukkan tidak pernah.

Jadual 4.7: Julat Skor Min dan Skala

Skala	Skor Min
Selalu	3.00 hingga 4.00
Kadang-kadang	2.00 hingga 2.90
Tidak Pernah	1.00 hingga 1.90

Sumber: Mohd Khairi Muda (2007)

4.4.1 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pengajaran Semasa Pra Pemerhatian

Analisis pelaksanaan pencerapan pengajaran semasa pra pemerhatian ditunjukkan di dalam Jadual 4.8. Berdasarkan Jadual 4.8 di bawah, nilai skor min tertinggi 3.02 (s.p = 0.828) dengan 96.2% responden mengatakan bahawa penyelia berkongsi bersama guru tentang fokus pencerapan. Seterusnya diikuti dengan 86.5% responden dan skor min 2.69 (s.p = 0.940)

mengatakan bahawa penyelia memberi panduan dan penerangan kepada guru mengenai pengajaran di sekolah.

Skor min yang ketiga tertinggi adalah 2.48 iaitu penyelia membantu guru merancang pengajaran supaya lebih berkesan. Skor min 2.42 (s.p = 0.915) menunjukkan bahawa semasa pra pemerhatian, penyelia memutuskan bersama guru tentang objektif pengajaran dan pembelajaran. Skor min yang terendah iaitu skor min 2.23 (s.p = 0.854) dan 76.9% responden mengatakan bahawa penyelia membantu guru mendapatkan bahan pengajaran yang diperlukan di sekolah.

Jadual 4.8: Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pra Pemerhatian.

No	Item	Taburan Kekerapan dan Peratus (%) Responden				Min	SP
		1 (TP)	2 (JS)	3 (KK)	4 (S)		
4	Penyelia berkongsi bersama guru tentang fokus pencerapan.	2 (3.8)	11 (23.1)	23 (42.3)	16 (30.8)	3.02	0.828
3	Penyelia memberi panduan dan penerangan kepada guru mengenai pengajaran di sekolah.	7 (13.5)	12 (23.1)	23 (44.2)	10 (19.2)	2.69	0.940
2	Penyelia membantu guru merancang pengajaran supaya lebih berkesan.	9 (17.3)	13 (25)	26 (50)	4 (7.7)	2.48	0.874
5	Penyelia memutuskan bersama guru tentang objektif pengajaran dan pembelajaran.	9 (17.3)	18 (34.6)	19 (36.5)	6 (11.5)	2.42	0.915
1	Penyelia membantu guru mendapatkan bahan pengajaran yang diperlukan di sekolah.	12 (23.1)	18 (34.6)	20 (38.5)	2 (3.8)	2.23	0.854
Min Keseluruhan						2.57	

Nota: TP = (Tak Pernah), JS = (Jarang Sekali), KK = (Kadang-kadang), S = (Selalu) dan SP = (Sisihan Piawai)

4.4.2 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pengajaran Semasa Pemerhatian

Analisis pelaksanaan pencerapan pengajaran semasa pemerhatian ditunjukkan di dalam Jadual 4.9. Berdasarkan Jadual 4.9 di bawah, nilai skor min tertinggi ialah skor min 3.63 (s.p = 0.658) dan 98.1% responden mengatakan bahawa penyelia membuat pemerhatian terhadap kawalan kelas. Skor min kedua tertinggi adalah skor min 3.52 dan 98.1% bersetuju bahawa penyelia membuat pemerhatian sama ada pengajaran berpusatkan guru atau pelajar.

Kemudian diikuti dengan skor min 3.46 (s.p = 0.609) dan 52 responden (100%) mengatakan bahawa penyelia membuat pemerhatian terhadap teknik yang digunakan guru untuk menyoal pelajar. Item penyelia membuat pemerhatian tentang maklum balas murid terhadap soalan yang diberikan oleh guru memperoleh skor min 3.44 (s.p = 0.752) dengan 98.1% responden. Skor min 3.17 (s.p = 0.857) dengan responden 94.2% responden mengatakan bahawa penyelia membantu guru membina keyakinan diri semasa menyampaikan pengajaran.

Skor min 3.15 (s.p = 0.894) dengan 92.3% responden mengatakan bahawa penyelia menjalankan aspek pemerhatian seperti yang dipersetujui. Skor min yang terendah iaitu skor min 1.81 (s.p = 1.011) dan 53.8% responden

menunjukkan bahawa penyelia tidak pernah membuat demonstrasi pengajaran kepada guru di dalam kelas.

Jadual 4.9: Analisis Pelaksanaan Pencerapan Semasa Pemerhatian.

No	Item	Taburan Kekerapan dan Peratus (%) Responden				Min	SP
		1 (TP)	2 (JS)	3 (KK)	4 (S)		
2	Penyelia membuat pemerhatian terhadap kawalan kelas.	1 (1.9)	2 (3.8)	12 (23.1)	37 (71.2)	3.63	0.658
7	Penyelia membuat pemerhatian sama ada pengajaran berpusatkan guru atau pelajar.	1 (1.9)	4 (7.7)	14 (26.9)	33 (63.5)	3.52	0.727
5	Penyelia membuat pemerhatian terhadap teknik yang digunakan guru untuk menyoal pelajar.	0 (0)	3 (5.8)	22 (42.3)	27 (51.9)	3.46	0.609
6	Penyelia membuat pemerhatian tentang maklum balas murid terhadap soalan yang diberikan oleh guru.	1 (1.9)	5 (9.6)	16 (30.8)	30 (57.7)	3.44	0.752
3	Penyelia membantu guru membina keyakinan diri semasa menyampaikan pengajaran.	3 (5.8)	6 (11.5)	22 (42.3)	21 (40.4)	3.17	0.857
1	Penyelia menjalankan aspek pemerhatian seperti yang dipersetujui.	4 (7.7)	5 (9.6)	22 (42.3)	21 (40.4)	3.15	0.894
4	Penyelia membuat demonstrasi pengajaran kepada guru di dalam kelas.	28 (53.8)	10 (19.2)	10 (19.2)	4 (7.7)	1.81	1.011
Min Keseluruhan						3.17	

Nota: TP = (Tak Pernah), JS = (Jarang Sekali), KK = (Kadang-kadang), S = (Selalu) dan SP = (Sisihan Piawai)

4.4.3 Analisis Pelaksanaan Pencerapan Pengajaran Selepas Pemerhatian

Analisis pelaksanaan pencerapan pengajaran selepas pemerhatian ditunjukkan di dalam Jadual 4.10. Berdasarkan Jadual 4.10, nilai skor min tertinggi bagi pelaksanaan pengajaran selepas pemerhatian ialah 3.67

manakala nilai skor min terendah ialah 3.23. Nilai skor min 3.67 (s.p = 0.476) dengan 100% responden mengatakan bahawa penyelia memberikan maklum balas dan berbincang dengan guru selepas sesi pencerapan. Skor berikutnya adalah 3.42 (s.p = 0.499) dengan 100% responden bersetuju bahawa penyelia berkongsi persetujuan dengan guru aspek yang perlu ditingkatkan bagi mencapai matlamat pengajaran.

Item 4, penyelia berkongsi dengan guru dalam mengenal pasti kelemahan pengajaran dan pembelajaran memperoleh skor min 3.37 (0.658) dengan 98.1% responden. Hanya seorang atau 1.9% responden mengatakan penyelia tidak pernah berkongsi dengan guru dalam mengenal pasti kelemahan pengajaran dan pembelajaran. Item 2, skor min yang diperoleh ialah 3.31 (s.p = 0.643) dengan 100% bersetuju bahawa selepas pemerhatian penyelia berkongsi persetujuan dengan guru aspek yang hendak dibincangkan.

Nilai skor min 3.27 (s.p = 0.689) dengan 98.1% responden mengatakan bahawa selepas pemerhatian penyelia menyampaikan maklumat mengenai peluang meningkatkan profesionalisme guru. Nilai skor min terendah ialah 3.23 (s.p = 0.731) dengan 96.2% responden mengatakan penyelia berkongsi persetujuan dengan guru terhadap pelan tindakan penambahbaikan pengajaran. Hanya 2 orang atau 3.8% responden mengatakan bahawa penyelia tidak pernah berkongsi persetujuan dengan guru terhadap pelan tindakan penambahbaikan pengajaran.

Jadual 4.10: Analisis Pelaksanaan Pencerapan Selepas Pemerhatian

No	Item	Taburan Kekerapan dan Peratus (%) Responden				Min	SP
		1 (TP)	2 (JS)	3 (KK)	4 (S)		
1	Penyelia memberikan maklum balas dan berbincang dengan guru selepas sesi pencerapan.	0 (0)	0 (0)	17 (32.7)	34 (65.4)	3.67	0.476
5	Penyelia berkongsi persetujuan dengan guru aspek yang perlu ditingkatkan bagi mencapai matlamat pengajaran.	0 (0)	0 (0)	30 (57.7)	22 (42.3)	3.42	0.499
4	Penyelia berkongsi dengan guru dalam mengenal pasti kelemahan pengajaran dan pembelajaran.	1 (1.9)	2 (3.8)	26 (50.0)	23 (44.2)	3.37	0.658
2	Penyelia berkongsi persetujuan dengan guru aspek yang hendak dibincangkan.	0 (0)	5 (9.6)	26 (50.0)	21 (40.4)	3.31	0.643
3	Penyelia menyampaikan maklumat mengenai peluang meningkatkan profesionalisme guru.	1 (1.9)	4 (7.7)	27 (51.9)	20 (38.5)	3.27	0.689
6	Penyelia berkongsi persetujuan dengan guru terhadap pelan tindakan penambahbaikan pengajaran.	2 (3.8)	3 (5.8)	28 (53.8)	19 (36.5)	3.23	0.731
Min Keseluruhan						3.39	

Nota: TP = (Tak Pernah), JS = (Jarang Sekali), KK = (Kadang-kadang), S = (Selalu) dan SP = (Sisihan Piawai)

4.5 Analisis Perbandingan Persepsi Responden Terhadap Penyeliaan Pengajaran di antara Jantina, Umur, Pengalaman Mengajar dan Jawatan Guru

Bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi di antara jantina dan jawatan responden dengan penyeliaan pengajaran, analisis lanjut dibuat dengan menggunakan ujian-t. Ujian-t dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara dua kumpulan data (Chua Yan Piaw, 2006:111). Dua kumpulan data ialah jantina (lelaki dan

perempuan) dan jawatan responden (guru penolong/biasa dan guru pentadbir). Ujian-t digunakan untuk membandingkan persepsi responden lelaki dan responden perempuan terhadap penyeliaan pengajaran. Selain itu, ujian-t juga digunakan untuk membandingkan persepsi responden yang berjawatan guru penolong/biasa dan responden berjawatan guru pentadbir terhadap penyeliaan pengajaran.

Manakala untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan di antara umur dan pengalaman mengajar responden dengan penyeliaan pengajaran, analisis lanjut dibuat dengan menggunakan ANOVA. Sehalu. Ia digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan antara dua atau lebih daripada dua skor min (Chua Yan Piaw, 2006:137).

Jadual 4.11 – 4.13 memperlihatkan dapatan kajian yang menggunakan analisis ujian –t dan ANOVA. Pengkaji telah menggunakan Ujian –t bagi mengenal pasti sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor jantina dan jawatan responden. Keputusan analisis Ujian –t skor min untuk item-item yang berkaitan dengan persepsi responden terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan jantina telah ditunjukkan dalam Jadual 4.11 di bawah.

Jadual 4.11: Analisis Ujian-t Persepsi Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Jantina Responden

No	Item	Jantina	Nilai -t	Skor Min	Sisihan Piawai	Sig.
1	Penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas.	Lelaki	-1.117	3.85	1.345	.269
		Perempuan		4.18	.756	
2	Pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa.	Lelaki	1.268	4.38	.768	.211
		Perempuan		4.15	.489	
3	Pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan.	Lelaki	.330	4.15	.899	.743
		Perempuan		4.08	.664	
4	Pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru.	Lelaki	.200	4.23	1.013	.842
		Perempuan		4.18	.721	
5	Pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru.	Lelaki	-.374	4.15	.801	.710
		Perempuan		4.23	.583	
6	Pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran.	Lelaki	-.958	4.00	.913	.343
		Perempuan		4.21	.570	
7	Pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu.	Lelaki	-1.336	2.92	1.320	.188
		Perempuan		3.36	.903	
8	Pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru.	Lelaki	.542	3.92	.862	.590
		Perempuan		3.79	.695	
9	Penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan.	Lelaki	-.906	3.69	.855	.369
		Perempuan		3.87	.522	

*Signifikan pada aras $p < .05$, N = 52, N lelaki = 13 dan perempuan = 39

Maklumat ujian -t pada Jadual 4.11 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina. Nilai bagi item penyeliaan

pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas ($t = -1.117$, $p = .269$), pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa ($t = 1.268$, $p = .211$), pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan ($t = .330$, $p = .743$), pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru ($t = .200$, $p = .842$), pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru ($t = -.374$, $p = .710$), pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran ($t = -.958$, $p = .343$), pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu ($t = -1.336$, $p = .188$), pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru ($t = .542$, $p = .590$) dan penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan ($t = -.906$, $p = .369$).

Maklumat ujian $-t$ pada Jadual 4.12 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jawatan responden. Nilai bagi item penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas ($t = 1.168$, $p = .248$), pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa ($t = -.604$, $p = .549$), pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan ($t = .293$, $p = .771$), pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru ($t = -.196$, $p = .845$), pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru ($t = -1.478$, $p = .146$), pencerapan penting bagi memperoleh maklum

balas terhadap pengajaran dan pembelajaran ($t = -1.892, p = .064$), pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu ($t = -1.585, p = .119$), pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru ($t = -.045, p = .964$) dan penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan ($t = -.054, p = .957$).

Jadual 4.12: Analisis Ujian-t Persepsi Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Jawatan Responden

No	Item	Jawatan	Nilai -t	Skor Min	Sisihan Piawai	Sig.
1	Penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas.	Guru Penolong/Biasa	1.168	4.21	1.345	.248
		Guru Pentadbir		3.89	.756	
2	Pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa.	Guru Penolong/Biasa	-.604	4.18	.768	.549
		Guru Pentadbir		4.28	.489	
3	Pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan.	Guru Penolong/Biasa	.293	4.12	.899	.771
		Guru Pentadbir		4.06	.664	
4	Pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru.	Guru Penolong/Biasa	-.196	4.18	1.013	.845
		Guru Pentadbir		4.22	.721	
5	Pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru.	Guru Penolong/Biasa	-1.478	4.12	.801	.146
		Guru Pentadbir		4.39	.583	
6	Pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran.	Guru Penolong/Biasa	-1.892	4.03	.913	.064
		Guru Pentadbir		4.39	.570	
7	Pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu.	Guru Penolong/Biasa	-1.585	3.09	1.320	.119
		Guru Pentadbir		3.56	.903	
8	Pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru.	Guru Penolong/Biasa	-.045	3.82	.862	.964
		Guru Pentadbir		3.83	.695	
9	Penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan.	Guru Penolong/Biasa	-.054	3.82	.855	.957
		Guru Pentadbir		3.83	.522	

*Signifikan pada aras $p < .05$, $N = 52$, N lelaki = 13 dan perempuan = 39

Jadual 4.13 merujuk jadual ujian ANOVA Satu Hala terhadap persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor umur responden. Maklumat daripada ANOVA Satu hala berdasarkan faktor umur menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menentukan persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran.

Nilai untuk item penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas [$F(2,49) = 4.346; p = .018$], pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa [$F(2,49) = 1.333; p = .273$], pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan [$F(2,49) = .251; p = .779$], pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru [$F(2,49) = .615; p = .545$], pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru [$F(2,49) = 1.145; p = .327$], pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran [$F(2,49) = .785; p = .462$], pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu [$F(2,49) = 1.838; p = .170$], pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru [$F(2,49) = 1.931; p = .156$] dan penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan [$F(2,49) = .820; p = .446$]

Jadual 4.13: Analisis ANOVA Satu Hala Terhadap Persepsi Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Umur Responden

		JKD	DK	MKD	Nilai F	Sig.
Penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas.	Antara Kump	6.707	2	3.353	4.346	.018
	Dalam Kump	37.813	49	.772		
	Total	44.519	51			
Pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa.	Antara Kump	.861	2	.430	1.333	.273
	Dalam Kump	15.812	49	.323		
	Total	16.673	51			
Pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan.	Antara Kump	.269	2	.135	.251	.779
	Dalam Kump	26.250	49	.536		
	Total	26.519	51			
Pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru.	Antara Kump	.785	2	.393	.615	.545
	Dalam Kump	31.292	49	.639		
	Total	32.077	51			
Pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru.	Antara Kump	.923	2	.462	1.145	.327
	Dalam Kump	19.750	49	.403		
	Total	20.673	51			
Pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran.	Antara Kump	.707	2	.353	.785	.462
	Dalam Kump	22.063	49	.450		
	Total	22.769	51			
Pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu.	Antara Kump	3.750	2	1.875	1.838	.170
	Dalam Kump	50.000	49	1.020		
	Total	53.750	51			
Pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru.	Antara Kump	2.005	2	1.002	1.931	.156
	Dalam Kump	25.437	49	.519		
	Total	27.442	51			
Penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan.	Antara Kump	.630	2	.315	.820	.446
	Dalam Kump	18.813	49	.384		
	Total	19.442	51			

*Signifikan pada aras $p < .001$, N = 52, N lelaki = 13 dan perempuan = 39

Jadual 4.14 merujuk jadual ujian ANOVA Satu Hala terhadap persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor pengalaman mengajar responden. Maklumat daripada ANOVA Satu hala berdasarkan faktor pengalaman mengajar menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menentukan persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran.

Nilai untuk item penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas [$F(2,49) = 3.248; p = .047$], pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa [$F(2,49) = .836; p = .439$], pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan [$F(2,49) = 1.048; p = .358$], pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru [$F(2,49) = .269; p = .765$], pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru [$F(2,49) = .670; p = .516$], pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran [$F(2,49) = .095; p = .909$], pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu [$F(2,49) = 2.760; p = .073$], pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru [$F(2,49) = .856; p = .431$] dan penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan [$F(2,49) = 1.338; p = .272$].

Jadual 4.14: Analisis ANOVA Satu Hala Persepsi Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Pengalaman Mengajar Responden

		JKD	DK	MKD	Nilai F	Sig.
Penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas.	Antara Kump	5.212	2	2.606	3.248	.047
	Dalam Kump	39.308	49	.802		
	Total	44.519	51			
Pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa.	Antara Kump	.550	2	.275	.836	.439
	Dalam Kump	16.123	49	.329		
	Total	16.673	51			
Pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan.	Antara Kump	1.088	2	.544	1.048	.358
	Dalam Kump	25.431	49	.519		
	Total	26.519	51			
Pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru.	Antara Kump	.348	2	.174	.269	.765
	Dalam Kump	31.729	49	.648		
	Total	32.077	51			
Pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru.	Antara Kump	.550	2	.275	.670	.516
	Dalam Kump	20.123	49	.411		
	Total	20.673	51			
Pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran.	Antara Kump	.088	2	.044	.095	.909
	Dalam Kump	22.681	49	.463		
	Total	22.769	51			
Pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu.	Antara Kump	5.442	2	2.721	2.760	.073
	Dalam Kump	48.308	49	.986		
	Total	53.750	51			
Pencerapan pengajaran memberikan impak yang besar kepada prestasi pengajaran guru.	Antara Kump	.927	2	.463	.856	.431
	Dalam Kump	26.516	49	.541		
	Total	27.442	51			
Penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan.	Antara Kump	1.007	2	.503	1.338	.272
	Dalam Kump	18.435	49	.376		
	Total	19.442	51			

*Signifikan pada aras $p < .001$, $N = 52$, N lelaki = 13 dan perempuan = 39

4.6 Rumusan

Hasil daripada dapatan analisis menunjukkan sebahagian besar daripada responden bersetuju dengan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh penyelia di dalam bilik darjah. Guru tidak lagi memandang proses pencerapan sebagai satu elemen yang digunakan oleh sekolah untuk mencari kesalahan mereka tetapi ia sebagai salah satu kaedah dalam meningkatkan profesionalisme guru di sekolah.

Ini ditunjukkan daripada 92.3% responden menganggap pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa dan pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru. Ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Beach dan Reinhartz, (2000) yang mengatakan bahawa penyeliaan merupakan satu proses yang kompleks yang melibatkan kerjasama antara guru secara *collegial* dan kolaboratif untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam sekolah serta meningkatkan pembangunan guru sepanjang kerjaya mereka.

Manakala hasil daripada Ujian $-t$ dan ANOVA Satu Hala untuk melihat persepsi dalam kalangan guru mengikut demografi dan latar belakang perkhidmatan, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang nyata dalam kesemua item yang diuji.

BAB 5**PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN****5.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan dapatan daripada hasil kajian yang telah dijalankan. Daripada dapatan tersebut, implikasi dan cadangan yang berkaitan dengan seluruh kajian ini akan dibentangkan. Tujuan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah persepsi guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran di sekolah?
- ii. Apakah pelaksanaan penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dari segi pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian?

Pengkaji telah mereka bentuk kaedah dan prosedur yang digunakan dalam kajian ini bagi memenuhi tujuan kajian ini. Soal selidik bagi kajian ini diambil dan diubahsuai daripada instrumen yang telah digunakan oleh Mohd Khairi Muda (2007). Set soal selidik digunakan untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran oleh penyelia dan amalan yang dilaksanakan oleh penyelia di dalam proses penyeliaan yang melibatkan tiga fasa: pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian.

Bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan persepsi guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah, sebanyak

sembilan soalan telah dikemukakan dengan menggunakan skala Likert lima mata. Skala 1 merujuk kepada sangat tidak setuju, skala 2 merujuk kepada tidak setuju, skala 3 pula merujuk kepada kurang setuju, manakala skala 4 setuju dan skala 5 merujuk kepada sangat setuju terhadap penyeliaan pengajaran oleh penyelia.

Manakala data-data yang berkaitan dengan pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah diperoleh dengan mengemukakan 18 soalan yang diberi skala Likert empat mata iaitu skala 1 merujuk kepada tak pernah, skala 2 merujuk kepada jarang sekali, skala 3 merujuk kepada kadang-kadang dan skala 4 merujuk kepada selalu untuk pelaksanaan penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dari segi pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 52 orang guru yang terdiri daripada 13 orang guru lelaki dan 39 orang guru perempuan. Guru perempuan mendominasi populasi sampel di MRSM yang dijadikan lokasi kajian. Dari segi umur, guru-guru yang berusia di antara 30 hingga 39 tahun seramai 24 (46.2%) orang, dan disusuli oleh kalangan guru yang berusia 40 tahun ke atas seramai 16 orang. Manakala kalangan guru yang berusia di antara 20-29 tahun menunjukkan bilangan paling minimum iaitu seramai 12 orang. Didapati guru yang berumur di antara 30 hingga 39 tahun yang paling ramai bertugas di MRSM berkenaan.

Dari aspek jawatan pula, 34 orang guru penolong/biasa dan 18 orang guru pentadbir (guru kanan dan ketua jabatan). Manakala dari sudut pengalaman mengajar, bilangan guru mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 7 tahun menunjukkan bilangan tertinggi dengan jumlah 21 orang mewakili 40.4% daripada populasi responden. Ini diikuti oleh kalangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 12 tahun ke atas seramai 20 orang. Seterusnya disusuli pula oleh kalangan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 8 sehingga 11 tahun seramai (21.2%) responden.

5.2 Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian Mengikut Pecahan Hasil Kajian

Perbincangan mengenai dapatan kajian akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu persepsi guru terhadap penyeliaan dan pelaksanaan penyeliaan yang melibatkan pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian.

5.2.1 Persepsi Guru-Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Dalam Aspek Pencerapan

Hasil daripada analisis data yang diperoleh berserta dengan purata min 3.99, didapati guru-guru mempunyai persepsi yang amat positif tentang pencerapan yang dilakukan oleh pengetua atau penyelia. Keadaan ini dapat dilihat pada nilai min yang lebih daripada 3.67.

Sejumlah 28.8% guru memberi respons menyatakan sangat setuju, 63.5% setuju dan 7.7% memberi respons kurang setuju bahawa pencerapan pengajaran menilai prestasi pengajaran guru dari semasa ke semasa (item 2). Dapatan ini sangat bersesuaian dengan pandangan Golsberrt (1985) yang mengatakan bahawa tanggungjawab penyelia pengajaran adalah untuk membantu guru meningkatkan pengajaran di dalam bilik darjah melalui pemerhatian dan perbincangan.

Untuk item 'pencerapan pengajaran membuka peluang penyelia berkongsi idea dengan guru' (item 5), sejumlah 32.7% guru sangat bersetuju, 55.8% guru bersetuju dan 11.5% guru kurang bersetuju. Dapatan ini menyokong pandangan Boardman et al. (1953) yang mengatakan bahawa penyeliaan bermaksud satu usaha yang berterusan untuk membimbing, mendorong dan menyelaraskan aktiviti guru-guru di dalam bilik darjah. Penyeliaan dilihat sebagai usaha untuk membantu guru-guru meningkatkan kebolehan mereka dalam membimbing perkembangan pelajar secara berterusan. Kenyataan Boardman et al. (1953) juga disokong oleh 'pencerapan pengajaran yang dijalankan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru' (item 4), 'pencerapan penting bagi memperoleh maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran' (item 6), 'penyeliaan pengajaran ialah aktiviti mencerap pengajaran guru di dalam kelas' (item 1), 'pencerapan pengajaran akan menentukan kaedah tertentu supaya pengajaran menjadi lebih berkesan' (item 3) dan 'penyelia mempunyai kemahiran untuk berfungsi sebagai penyelia yang berkesan' (item 9).

Bagi item 'pencerapan pengajaran memberikan dampak yang besar kepada prestasi pengajaran guru' (item 8), sejumlah 13.5% guru sangat setuju, 61.5% guru bersetuju, 19.2% guru kurang bersetuju dan 5.8% guru tidak bersetuju. Dapatan ini sangat bersesuaian dengan pandangan Tanner dan Tanner (1987) iaitu pencerapan pengajaran dapat membantu meningkatkan pengajaran guru menerusi usaha secara kolektif.

Selain itu, Hoy dan Miskel (1982) berpendapat bahawa penyeliaan pengajaran merupakan satu set aktiviti yang dibentuk untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk peningkatan mutu pengajaran melalui usaha-usaha memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti secara berterusan, menggalakkan peningkatan profesional, perkembangan kurikulum dan aktiviti-aktiviti yang mempunyai hubungan dengan pedagogi dan teknologi pengajaran dan membantu guru memperkembangkan diri agar memberi sumbangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Manakala item pencerapan yang negatif untuk 'pencerapan pengajaran yang dijalankan menyebabkan guru merasa cemas dan terganggu' (item 7), menunjukkan hampir separuh daripada jumlah responden adalah positif. Respons guru-guru ini menjelaskan bahawa pendapat Pool dan Evans (1991), yang menyatakan kehadiran penyelia di dalam kelas mencerap pengajaran guru adalah satu gangguan yang ketara dan mempunyai dampak terhadap guru.

Ia turut disokong oleh Sharifah Mohd Nor dan Azizah Abd. Rahman (1988) dalam kajian mereka mendapati bahawa penyeliaan pengajaran oleh pengetua ke atas guru sering menimbulkan isu. Penyeliaan yang dilakukan oleh pengetua kurang disenangi oleh guru-guru. Guru-guru berpendapat penyeliaan pengajaran oleh pengetua boleh menjejaskan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Abdul Shukor Abdullah (1988) juga menyatakan bahawa walaupun wujud hubungan yang baik antara pengetua dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran namun tidak dapat dinafikan konflik antara guru dan pengetua disebabkan penyeliaan itu. Konflik ini timbul kerana kewibawaan dan keupayaan profesionalisme seorang pengetua sering dipertikai oleh guru.

5.2.2 Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran Di Dalam Bilik Darjah Dari Segi Pra Pemerhatian, Semasa Pemerhatian Dan Selepas Pemerhatian

Perbincangan mengenai dapatan kajian berkaitan pelaksanaan penyeliaan yang melibatkan pra pemerhatian, semasa pemerhatian dan selepas pemerhatian di sekolah adalah untuk menjawab persoalan kajian yang kedua, iaitu:

Soalan kajian 2: Apakah pelaksanaan penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dari segi pra pemerhatian, pemerhatian dan selepas pemerhatian?

Pada peringkat pra pemerhatian, didapati nilai skor min tertinggi 3.02 dengan 96.2% guru mengatakan bahawa penyelia berkongsi bersama guru tentang fokus pencerapan. Seterusnya diikuti 86.5% guru dengan skor min 2.69 mengatakan bahawa penyelia memberi panduan dan penerangan kepada guru mengenai pengajaran di sekolah. Skor min yang ketiga tertinggi adalah 2.48 iaitu penyelia membantu guru merancang pengajaran supaya lebih berkesan. Skor min 2.42 menunjukkan bahawa penyelia memutuskan bersama guru tentang objektif pengajaran dan pembelajaran. Skor min yang terendah iaitu skor min 2.23 dengan 76.9% guru mengatakan bahawa penyelia membantu guru mendapatkan bahan pengajaran yang diperlukan di sekolah.

